

SEJARAH PENTADBIRAN JABATAN PERDANA MENTERI

DARI TAHUN 1967 hingga TAHUN 1976

1968	Jabatan Perkhidmatan Awam diletak di bawah portfolio Jabatan Perdana Menteri.
13 Mei 1969	Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan akibat daripada kekacauan 13 Mei 1969. Ia ditubuhkan untuk memulihkan keamanan dan kestabilan Negara.
1 Julai 1969	Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja.
Julai 1969	<p>Jabatan Perpaduan Negara di bawah perintah MAGERAN ditubuhkan bagi menangani isu-isu berhubung pembinaan semula perpaduan masyarakat. Jabatan Perpaduan Negara diletakkan di bawah jagaan Menteri Dengan Tugas-Tugas Khas.</p> <p>Selepas pembubaran MAGERAN, Majlis Penasihat Perpaduan Negara ditubuhkan pada 23 Februari 1971. Tanggungjawab bagi memupuk dan memelihara perpaduan di antara kaum terus di bawah Jabatan Perpaduan Negara.</p> <p>Di antara 1990-2004, Jabatan Perpaduan diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat .</p> <p>Pada tahun 2004-2008, diletakkan semula di bawah JPM dengan nama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.</p> <p>Pada tahun 2008-2009, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional diletakkan di bawah KEKWA.</p> <p>Pada April 2009, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional diletakkan semula kepada Menteri Di Jabatan Perdana Menteri iaitu YAB Datuk Koo Su Koon.</p>
8 Ogos 1969	Lembaga Urusan Tabung Haji ditubuhkan pada 1969 dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji adalah berdasarkan kepada Rang Undang-Undang Lembaga Tabung Haji yang telah diluluskan pada 13 Februari 1969.

23 Sept
1970

Perkhidmatan Bantuan Guaman pada awalnya diwujudkan di bawah Jabatan Undang-Undang pada bulan Julai tahun 1970.

Pada Sept. 1970 Perkhidmatan Bantuan Guaman diganti dengan nama Biro Bantuan Guaman (BBG). Biro ini ditubuhkan dengan objektif utamanya untuk memberi bantuan guaman dan khidmat nasihat kepada golongan yang kurang berkemampuan dan berhak kepada bantuan guaman di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26). Ketika itu, BBG diletakkan di bawah bidang kuasa Jabatan Peguam Negara di bawah Kementerian Undang-Undang. Bidang kuasa BBG sejak penubuhannya hanya berkaitan kes-kes sivil dan kes-kes mal di mahkamah syariah iaitu antara lain prosiding tentang nafkah, jagaan, penceraian dan harta sepencarian.

Apabila Kementerian Undang-Undang dimansuhkan, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri diwujudkan pada 23 September 1970 yang terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Biro Bantuan Guaman (BBG), Jabatan Pemegang Harta (JPH), dan Jabatan Pemegang Amanah Raya & Pentadbir Pusaka (JPAR&PP)

Pada 1 Ogos 1995, JPAR&PP dikorporatkan sebagai Amanah Raya Berhad (ARB). Manakala pada 1 Julai 1996, PKPMP diasingkan daripada BHEUU. Selepas Ogos 1996 hingga 15 April 2003, BHEUU mentadbir dua buah Jabatan di bawahnya iaitu BBG dan JPH di samping mengawal selia ARB. Namun pada 1 Oktober 2003 JPH telah ditukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) selaras dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967.

Pada 16 April 2003 Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah (UPPM) diletakkan di bawah pentadbiran BHEUU.

Pada 8 April 2004 BHEUU menjadi urus setia bagi membantu Y.A.B Timbalan Perdana Menteri menjalankan pengawasan ke atas Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR).

<p>23 Sept. 1970</p>	<p>Apabila Kementerian Undang-Undang dimansuhkan pada 23 September 1970, Jabatan Pemegang Harta diletakkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, JPM.</p> <p>Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada awalnya dikenali sebagai <i>Bankruptcy Office yang</i> ditubuhkan pada tahun 1949 dan diketuai oleh orang Inggeris sehingga tahun 1958.</p> <p>Pada tahun 1963, nama <i>Bankruptcy Office</i> ditukarkan kepada nama Jabatan Pemegang Harta Malaysia dan Ketua Jabatan bergelar Pegawai Pemegang Harta.</p> <p>Mulai 1 Oktober 2003 namanya sekali lagi ditukarkan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia dan kini diketuai oleh Ketua Pengarah Insolvensi.</p>
<p>1971</p>	<p>Apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan pada tahun 1970, Unit Penyelarasan, Pelaksanaan dan Penilaian (ICEU) telah ditubuhkan pada tahun 1971. Pejabat Kemajuan Negeri yang telah diwujudkan pada 14 Oktober 1969 diletakkan di bawah Unit ini. Uni ini merupakan sebuah agensi penyelaras dan penilai pelaksanaan yang bertanggungjawab ke atas kedua-dua sektor luar bandar dan bandar.</p>
<p>2 Ogos 1971</p>	<p>Penubuhan Biro Pengaduan Awam telah diumumkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Bin Hussein, Perdana Menteri ke-2 pada 23 Julai 1971 dan diletakkan di bawah Bahagian Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am.</p> <p>BPA mula beroperasi pada 2 Ogos 1971. Tujuan penubuhannya adalah menjadi badan pengawas bagi menjamin pentadbiran yang cekap dan adil. Selain itu, berperanan merapatkan hubungan di antara kerajaan dan orang ramai serta mewujudkan satu saluran untuk membolehkan orang ramai mengemukakan kesulitan mereka semasa beurusan dengan agensi kerajaan.</p>
<p>1972</p>	<p>Unit Penyelarasan, Pelaksanaan dan Penilaian (ICEU) telah digabungkan dengan Unit Kemajuan Pentadbiran (Development</p>

	<p>Administration Unit - DAU) dan dikenali sebagai Unit Penyelarasan, Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran (Implementation, Coordination and Development Administration Unit – ICDAU). Apabila peranan Kemajuan Pentadbiran dipindahkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit ini dikenali dengan Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan kemudian ditukar kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) di bawah JPM.</p>
1 Januari 1974	<p>Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ditubuhkan dan diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri.</p>
1 Januari 1974	<p>Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) adalah hasil daripada syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Diraja mengenai perkhidmatan pengurusan yang ditubuhkan bagi mengkaji perkhidmatan guru, gaji dan syarat-syarat perkhidmatan guru dan kakitangan sekolah (Suruhanjaya Diraja Aziz) yang mengemukakan perakuan supaya sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan berasingan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ditubuhkan bagi Perkhidmatan Pelajaran. Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ditubuhkan pada 1 Januari 1974 dan diletakkan di bawah JPM.</p> <p>Suruhanjaya Gaji Diraja dibubarkan pada 1 Oktober 1977.</p>
1974	<p>Bahagian Pengurusan Hartanah telah ditubuhkan pada tahun 1957 yang pada ketika itu dikenali sebagai Pejabat Perumahan Kerajaan (Government Accommodation Office) yang bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal perumahan dan kuarters kerajaan. Pada tahun 1960, BPH mula menguruskan Istana Negara dan Kediaman Rasmi Kerajaan. BPH telah diletakkan di bawah JPM pada tahun 1974 dan dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Bangunan Kerajaan. Pada tahun 1996, nama Bahagian Pengurusan Bangunan Kerajaan ditukarkan ke Bahagian Pengurusan Hartanah.</p>
30 Ogos 1975	<p>Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan telah ditubuhkan dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan dilantik sebagai urusetia Majlis.</p>